

Ucapan YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia,
Di Upacara Meresmikan Mesyuarat Pertama Lembaga Pertubuhan Peladang
Dan Majlis Penasihat Peladang, Pada Pukul 9.30 Pagi, 19hb. November, 1973
Di Bilik Gerakan, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jalan Dungun,
Damansara Heights, Kuala Lumpur.

Saya sukacita kerana dapat peluang berjumpa serta meresmikan Mesyuarat Pertama dua badan yang penting pada pagi ini. Sebagaimana kita sedia maklum, Lembaga Pertubuhan Peladang telahpun dilancarkan pada 13hb. Ogos lalu meskipun ia mulai ujud daripada 14hb. Februari, 1973. Syukur Alhamdulillah sejak perlantikan Ketua Pengarahnya, Encik Ahmad Sarji, kedua-dua Lembaga Pertubuhan Peladang dan Majlis Penasihat Peladang mempunyai ahli-ahli yang lengkap hari ini. Selain daripada mereka yang telah ditetapkan menjadi ahli-ahli Lembaga dan Majlis Penasihat mengikut Akta-akta yang berkenaan, beberapa orang perseorangan telahpun sudi berkhidmat dalam Lembaga dan Majlis Penasihat ini, dan saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih serta berharap agar tuan-tuan sekalian dapat membantu pegawai-pegawai Lembaga ini bagi mencapai tujuan serta cita-cita Kerajaan dan juga rakyat melalui Pertubuhan ini.

Saya percaya tuan-tuan sekalian memahami penuh tugas-tugas penting Lembaga ini dan marilah kita bersama-sama memerhatikan supaya tugas-tugas itu dijalankan dengan sempurna. Mulai dari 1hb. November ini, Lembaga Pertubuhan Peladang ini telahpun mengambilalih semua persatuan-persatuan peladang peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan daripada Jabatan Pertanian dan juga sejumlah 1,536 syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian daripada Jabatan Kemajuan Kerjasama. Oleh itu, kita tentulah dapat memahami peranan dan tanggungjawab Lembaga Pertubuhan Peladang menyelaraskan kegiatan-kegiatan persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama merupakan tugas yang sangat berat.

Kita sedia maklum Persatuan-persatuan Peladang telahpun ditubuhkan di atas dasar pelbagai-guna atau multi-purpose dan pada amnya menyediakan perkhidmatan yang "integrated" seperti extension service, credit, pemasaran, bekalan keperluan ladang (farm input supplies), pengangkutan dan juga "warehousing" (penyimpanan). Bersama-sama dengan itu, kita dapati pula syarikat-syarikat kerjasama kredit kampung sebanyak 927 buah, syarikat-syarikat kredit berhad (16 buah), syarikat-syarikat kilang padi (238 buah) dan syarikat-syarikat serbaguna (371 buah). Adalah mustahak semuanya ini diselaraskan pada semua peringkat di kampung-kampung.

Dalam melaksanakan strategi Kerajaan iaitu penyatuan Persatuan Peladang dengan Syarikat Kerjasama tidaklah perlu dibubarkan syarikat ataupun persatuan yang telah berdaftar. Sebenarnya apabila digabungkan syarikat kerjasama dan persatuan peladang dalam Pertubuhan Peladang Kawasan, penyelarasan aktiviti mereka akan dikendalikan oleh sebuah Jemaah Pengarah yang bertanggungjawab menentukan pembahagian tugas syarikat dan persatuan peladang yang bergabung itu. Lembaga inilah menentukan "framework" ataupun rangka penyelarasan samada Persatuan Peladang menumpukan kegiatan perkembangan sahaja sementara tugas pemasaran, processing, credit dan pembekalan dijalankan oleh syarikat kerjasama.

Saudara-saudara sekalian,

Lembaga ini juga bertanggungjawab menyelaraskan kegiatan badan-badan berkanun dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan pertanian dan mempunyai hubungan yang rapat dengan peladang-peladang. Saya sukacita mengetahui Lembaga Pertubuhan Peladang telahpun menetapkan strateginya untuk mencapai penyelarasan yang "effective" diantara Lembaga ini dengan badan-badan berkanun dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan. Begitu juga dengan langkah Lembaga ini hendak menubuhkan "Pusat-pusat Kemajuan Pertanian" atau Agriculture Development Centres supaya penyelarasan

itu membawa hasil penuh kepada petani-petani dengan cara memperhebatkan usaha-usaha pembangunan di kawasan-kawasan pertanian yang mempunyai banyak kemudahan seperti tanah, bekalan air dan juga kemudahan-kemudahan yang lain.

Saudara-saudara sekalian,

Pada masa ini, beberapa "development agencies" bersama-sama bergerak menyalurkan perkhidmatan dan bantuan kepada petani-petani kita. Jabatan Pertanian, Perkhidmatan Haiwan, RISDA, Jabatan Parit dan Taliair, Bank Pertanian, Bank Rakyat, MARDI, MARA Yunit Trust, FAMA, FIMA, Bahagian Kaji-teknik Makanan, dan LPN masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab yang tertentu dalam usaha Kerajaan hendak meninggikan pengeluaran petani-petani dan dengan itu menambahkan pendapatan mereka serta meningkatkan taraf hidup mereka. Oleh kerana kemajuan pertanian bergantung kepada aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun, Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah menubuhkan "Pusat-pusat Kemajuan Pertanian" supaya semua perkhidmatan dan bantuan dapat disalurkan untuk digunakan bagi faedah petani-petani.

Satu perkara berkenaan dengan penggunaan "farm input" melalui Bank Pertanian, nampaknya hingga hari ini petani-petani masih belum mengambil kesempatan dari kemudahan-kemudahan yang disediakan. Hanya 20% daripada petani-petani di kawasan Muda menggunakan kemudahan Bank Pertanian dan saya rasa ini tidaklah memuaskan. Malah sebaliknya ini menunjukkan iaitu masih ramai petani-petani yang terikat kepada orang-orang tengah, pekedai-pekedai runcit di kampung dan lain-lain — yang mana patutlah diberi perhatian oleh Lembaga ini supaya kemudahan-kemudahan Kerajaan digunakan sepenuhnya.

Berkenaan dengan penubuhan sekim perkhidmatan, saya bersetuju benar dengan cadangan Ketua Pengarah Lembaga mengadakan "Sekim Perkhidmatan Khidmat Peladang" supaya memberi gambaran yang tepat mengenai tugas-tugas Lembaga ini dan juga peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga ini. Saya ucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai Lembaga yang telah mengambil langkah segera bagi menggubal sekim-sekim perkhidmatan bagi pegawai-pegawainya.

Saya fikir Lembaga Pertubuhan Peladang ini hendaklah menjalankan kempen besar-besaran bagi mendapatkan petani-petani memasuki pertubuhan-pertubuhan peladang ataupun dalam syarikat-syarikat kerjasama berasaskan pertanian. Dasar Kerajaan ialah bagi menggalakkan rakyat berusaha di atas kaki mereka sendiri dan memainkan peranan mereka yang sewajarnya melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dari segi penglibatan petani-petani di dalam syarikat-syarikat kerjasama dan persatuan peladang, kita adalah jauh tinggal kebelakang jika dibandingkan dengan negara-negara Asia lain yang mempunyai sektor pertanian yang maju dengan kerana penglibatan petani-petani dalam "agricultural cooperatives" masing-masing. Di negeri Jepun, misalnya, 90% daripada keluarga-keluarga petani adalah menjadi ahli-ahli biasa dalam "agricultural co-operatives" dan bakinya sebagai ahli-ahli bersekutu. Ini bermakna bahawa hampir-hampir keseluruhan keluarga petani di negeri Jepun adalah berdaftar menjadi ahli dalam "agricultural co-operatives".

Saya suka mencadangkan supaya Lembaga Pertubuhan Peladang mengambil langkah meningkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian terutama sekali di kawasan-kawasan pembangunan pertanian yang baru di Seberang Perak, Johor Barat dan Besut. Lembaga Pertubuhan Peladang telah diberi tugas melaksanakan dasar baru Kerajaan mencukupi keperluan pengeluaran beras 100% (100% self-sufficiency). Di samping itu, kita hendaklah juga mengeluarkan barang-barang makanan lain — buah-buahan, sayur-sayuran, ayam jitek dan telur, binatang ternakan — seberapa banyak supaya tidak mengharap supply dari luar negeri. Dengan mengeluarkan barang-barang makanan secukupnya, kita akan dapat mengurangkan tekanan inflasi di dalam negeri yang lazimnya berlaku akibat "too much money chasing too few goods" terutama mengenai barang-barang yang di impot. Saya ingin Lembaga ini menjalankan kempen besar-besaran di

kalangan ahli-ahlinya melaksanakan dasar "commercialised agriculture" supaya bekalan barang-barang makanan negara termasuk beras sentiasa mencukupi. Saya telahpun mengarahkan Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya melipat-gandakan usaha terhadap perkara yang penting ini supaya dalam tempoh beberapa tahun akan datang ini kita mempunyai bekalan barang-barang makanan keperluan pada setiap masa.

Saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan telah memberikan satu tugas yang terbaru kepada Lembaga ini. Mulai daripada bulan Februari 1974 Lembaga Padi dan Beras Negara akan menarik balik monopolinya di kawasan jelapang padi di Sabak Bernam dan Tanjung Karang yang bermakna pembelian padi dan pemasaran beras di kawasan itu akan dibebaskan. Bagaimanapun, untuk menjamin harga padi kepada petani-petani di situ, saya telahpun mengarahkan Lembaga Pertubuhan Peladang ini membuat persediaan mulai daripada sekarang bagi membolehkan pertubuhan-pertubuhan peladang di kawasan yang berkenaan memainkan peranan yang sewajarnya untuk membeli padi dari petani-petani dan memasarkan beras kepada pengguna-pengguna seperti yang dilakukan oleh LPN sekarang ini.

Akhir sekali saya sukacita mengumumkan bahawa pihak Kerajaan telahpun meluluskan peruntukan wang yang baru berjumlah \$10,970,000 kepada Lembaga Pertubuhan Peladang ini bagi memajukan kegiatan pertubuhan-pertubuhan peladang. Peruntukan wang ini adalah bagi maksud menambahkan pengeluaran hasil pertanian dan khusus bagi penubuhan petak-petak semaian (300,000), penubuhan bengkel jentera ladang (\$150,000) dan peruntukan kewangan yang besar, iaitu berjumlah \$10,000,000, bagi maksud tabung modal pusingan Lembaga ini untuk membantu usaha-usaha perniagaan pertubuhan-pertubuhan peladang.

Dengan ini, saya sukacita mengucapkan selamat bersidang dan berharap perbincangan-perbincangan mesyuarat ini membawa hasil-hasil yang berfaedah bagi rakyat dan negara.

Speech Of The Honorable Prime Minister Tun Haji Abdul Razak b. Hussein
At The Opening Ceremony Of The Paper Consultation On Integrated Rural
Development Through Farmers Organization On 20th November, 1973 At The



Gambar ini menunjukkan Allahyarham YAB Tun Abdul Razak sedang melawat gerai LPP Negeri Kelantan pada hari Pesta Kebudayaan yang telah diadakan pada 16hb. Julai 1975 dengan diiringi oleh dari kiri ke kanan YAB Datuk Haji Muhammad bin Nasir Menteri Besar Kelantan, Encik Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Pengarah LPP, YB Datuk Haji Muhammad Asri bin Haji Muda Menteri Kemajuan Tanah, dan YB Datuk Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabar Pengerusi LPP.